


Mahathir tetap tak hadir APEC

overseas trip



Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel
CHOGM KE-29
di CYPRUS



Daripada AZIZ ISHAK

L.M. 23 OCT 1993

IMASSOL (Cyprus)
22 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tetap dengan keputusannya tidak akan menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, Amerika Syarikat, bulan depan.

Salah satu sebab mengapa beliau tidak akan menghadiri persidangan itu, kata Dr. Mahathir kerana ia mempunyai kaitan dengan pendirian Amerika Syarikat terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Menurut beliau, walaupun pendirian Amerika di bawah Presiden Bill Clin-

ton tidak sekeras Presiden George Bush berhubung penubuhan EAEC, namun belum ada pendirian jelas dari kuasa besar itu mengenai EAEC.

Selain itu, kata Perdana Menteri, keputusannya itu juga berikutan cadangan supaya persidangan APEC diadakan tiga tahun sekali, yang tidak dipersetujui oleh Malaysia.

Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada para wartawan Malaysia selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong semasa waktu rehat perbincangan sesi ketiga

pada hari kedua Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini hari ini.

Beliau seterusnya berkata, Malaysia juga mendapat tahu bahawa usaha sedang dibuat untuk menjadikan APEC seperti Kesatuan Eropah (EC) iaitu kumpulan ekonomi yang terhad anggotanya.

Dalam hubungan ini, kata beliau, APEC mesti meliputi semua negara di lingkungan Asia Pasifik termasuk Chile dan Equador, dan bukan terhad kepada negara tertentu.

Sebelum ini, Dr. Maha-

thir membayangkan keengganannya untuk menghadiri sidang itu kerana difahamkan, cadangan mengenainya bukan datang dari negara-negara anggota, sebaliknya dari-

pada individu iaitu Presiden Clinton.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia mengenai perkara itu telah dinyatakan kepada Singapura dalam pertemuan

beliau dengan Goh Chok Tong yang berlangsung kira-kira 30 minit.

Katanya, Perdana Menteri Singapura itu mahu mengetahui penilaian dan pandangan Malaysia ber-

hubung perkembangan di rantau Asia Tenggara termasuk soal APEC.

Katanya, mereka berdua turut membincangkan kesannya jika APEC menjadi seperti EC. — Utusan